



## Red Hat sedia bantu kerajaan laksanakan Revolusi Industri 4.0

© 06:36, 11/10/2018

T- T+ Print

Share 0



Red Hat Malaysia Sdn. Bhd. (Red Hat) memberitahu mereka sedia membantu kerajaan untuk beralih kepada pendigitalan. Mereka juga mahu menjadi pemangkin kepada pembangunan teknologi dalam sektor awam.


Red Hat merupakan anak syarikat kepada penyedia penyelesaian sumber terbuka, Red Hat Inc. Mereka sememangnya menyokong usaha kerajaan untuk melaksanakan Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0).



(Foto: YouTube )

IR 4.0 sememangnya sangat penting ke arah mentransformasikan sistem penyampaian. Usaha kerajaan untuk merealisasikan IR 4.0 adalah satu keperluan. Melalui platform Red Hat Open Shift Container yang menggunakan sistem Cloud Suite, pendigitalan operasi sektor awam dan swasta akan dapat dilaksanakan. Ia tentunya akan menjadi satu sejarah baharu dalam landskap pentadbiran dan ekonomi Malaysia.

Buat masa sekarang, pihak Red Hat sedang berunding dengan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU). Menariknya, hasil perbincangan mereka ke arah yang positif walaupun kini Malaysia sudah menukar kepimpinan baharu.



(Foto: YouTube )

Jurang digital antara sektor awam dan swasta yang semakin mengecil menjadi bukti bahawa kerajaan serius untuk beralih kepada teknologi dengan operasi yang lebih lancar.